

Cara terbaik hormati Dr. Mahathir



KEBELAKANGAN ini banyak aktiviti diatur untuk menunjukkan penghargaan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad yang telah bersara daripada jawatan Perdana Menteri. Antaranya ialah seperti pameran foto, larian penghargaan dan seumpamanya. Menyatakan penghargaan kepada seseorang, apatah lagi orang yang banyak berjasa kepada kita memang satu sifat terpuji.

Pada saya negara kita amat bertuah kerana dianugerahkan seorang pemimpin yang berkaliber seperti Dr. Mahathir. Di bawah kepimpinannya selama 22 tahun, negara berkembang maju dengan kadar yang pantas. Nama Malaysia melonjak di persada antarabangsa.

Marilah kita tatapi satu contoh yang dialami oleh salah seorang pensyarah Universiti Malaya (UM) ketika menghadiri simposium di Turki dan juga di Eropah, seperti dalam tulisannya yang berbunyi:

"Penyertaan seminar atau simposium adalah perkara biasa bagi seseorang pensyarah. Namun penyertaan simposium kali ini membawa kelainan kepada diri saya. Sepanjang saya di Ankara khususnya dan pejalanan ke negara Eropah lain seperti Vienna, Austria dan Stockholm, Sweden, bahang kemasyhuran dan kebijaksanaan Dr. Mahathir Mohamad amat terasa. Kelainan ini dirasakan dan dialami dari segi berikut:

(a) Sambutan dan layanan jawatankuasa simposium. Pihak jawatankuasa memberi penghormatan dan layanan istimewa kepada peserta dari Malaysia. Saya disambut di lapangan terbang dan dikunjungi pegawai universiti sebagai tanda sambutan mereka. Sepanjang simposium, saya dijaga/didampingi oleh beberapa orang pelajar dan pensyarah yang berkebolehan bertutur dalam bahasa Inggeris. Mereka menjaga kebajikan saya sepanjang simposium.

Sesi pembentangan kertas kerja peserta Malaysia disertai oleh bilangan peserta yang paling ramai walaupun merupakan slot terakhir pada hari terakhir. Ada yang mengambil keputusan untuk menyertai pembentangan kerana pembentangan tersebut dibuat oleh seseorang daripada Malaysia yang Perdana Menteri adalah Dr. Mahathir. Mereka seolah-olah menantikan sesuatu yang *bernas daripada negara yang dipimpin oleh Dr. Mahathir*. Malahan ada yang secara terang-terangan memberitahu, mereka suka dan sayangkan Perdana Menteri kita dan memberi pujian kepadanya.

(b) Sepanjang pejalanan di Eropah: Saya merasakan pejalanan ke Eropah kali ini seolah-olah dikenali. Ber-

beza masa lalu, apabila kita memperkenalkan diri kita dengan mengatakan kita datang dari Malaysia, kebanyakan mereka akan mengaitkan kita dengan "Thailand atau Singapura".

Kali ini tidak. Apabila disebut Malaysia, ada yang mengangguk, ada yang senyum dan ada yang menyatakan mereka kenal Malaysia. Dengan itu, saya berasa tidak kerdil kerana negara asal saya dikenali.

Kalau kita ke Mekah atau Madinah, kita akan melihat bahasa Melayu digunakan di lapangan terbangnya yang berbunyi "Selamat Datang" dan juga di dalam masjid-masjid di sini bahasa Melayu digunakan secara meluas di samping bahasa Arab. Ini adalah bukti menunjukkan dunia Islam mengiktiraf Malaysia. Hal ini dicapai kerana Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir telah pun sampai ke peringkat yang tinggi di mata dunia.

Dasar-dasar yang diperkenal dan dilaksanakan sewaktu pemerintahan beliau banyak memberi kesan.

Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai pengeluar bijih timah dan getah, kini dikenali sebagai negara pengeluar kereta dan mikro cip bertaraf dunia. Malaysia yang dahulu dipenuhi hutan belantara, kini dipenuhi taman perumahan, jalan raya, sekolah dan bangunan-bangunan kilang. Negara yang dahulunya bergantung kepada pertanian bertukar kepada perindustrian.

Dalam jangka masa singkat, Malaysia mampu menyediakan infrastruktur yang amat mengagumkan, misalnya lebuh raya utara-selatan, KLIA, Putrajaya, KLCC, MSC, Sepang FIC, Kompleks Sukan Bukit Jalil dan lain-lain. Tidak seperti kebanyakan negara lain yang pembangunannya hanya tertumpu di kawasan bandar, nikmat pembangunan negara kita turut mengalir ke bawah dan dirasakan oleh pelbagai golongan masyarakat. Pergi sahaja ke luar bandar kita akan lihat jalan-jalan bertar, tiang-tiang elektrik dan bekalan air di mana-mana bahkan hingga ke kampung-kampung terpencil.

Pengurusan ekonomi

Jurang perbezaan pendapatan dan kadar kemiskinan bejaya dikurangkan hingga masyarakat kita tidak lagi dikenali mengikut fungsi ekonomi seperti dahulu. Pertumbuhan dan pengurusan ekonomi yang baik sewaktu era pentadbiran Dr. Mahathir membolehkan masyarakat Malaysia pelbagai kaum, agama dan bahasa hidup dengan selesa dan aman damai. Imej kaum yang dikaitkan dengan pekejaan (punca teretusnya tragedi 13 Mei 1969) bejaya dihapuskan.

Masyarakat bumiputera bejaya dikeluarkan daripada sektor ekonomi tradisional menerusi peluang pendidikan tinggi yang disediakan oleh kerajaan. Mereka terlibat dalam pelbagai sektor ekonomi moden dan tinggal di kawasan-kawasan bandar yang dahulunya dimonopoli oleh bukan bumiputera. Golongan kelas menengah Melayu dapat dilahirkan dengan jumlah yang agak banyak dan ini dapat dilihat di kebanyakan bandar Utama.

Kalau dahulu jutawan bumiputera boleh dikatakan hampir tidak ada sama sekali. Hari ini kita lihat ramai nama bumiputera yang menerajui syarikat-syarikat yang tersenarai di BSKL. Memang benar polisi untuk mel-

hirkkan golongan korporat Melayu telah lama ada sebelum Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri lagi, tetapi keazaman, kreativiti dan inovasi yang beliau telah lakukan memungkinkan golongan tersebut berjaya.

Dr. Mahathir bejaya mengeluarkan negara kita daripada dua krisis ekonomi yang besar. Krisis pertama pada dekad awal pentadbiran beliau iaitu antara tahun 1975-86 dan krisis kedua pada 1997-98. Sesetengah negara membangun tidak mampu mengeluarkan diri daripada krisis ekonomi yang melanda mereka dan terpaksa menanggung beban hutang luar yang amat besar. Tetapi negara kita dengan kepintaran dan kebijaksanaan Dr. Mahathir serta pasukannya mampu menghamngi semua itu dengan berkesan. Dengan kebijaksanaan itu, generasi kita pada hari ini tidak dibebani dengan hutang luar yang banyak.

Nikmat ekonomi yang dirasakan oleh segenap lapisan masyarakat membolehkan rakyat negara ini menjalani kehidupan dengan aman damai dan harmoni. Malaysia tidak seperti negara lain di dunia walaupun mempunyai penduduk berbilang kaum, agama dan bahasa, dapat hidup bersatu padu dan tidak bersengketa sesama sendiri. Wawasan 2020 diterima oleh semua lapisan masyarakat sebagai agenda murni untuk menjadikan Malaysia negara maju. Sesungguhnya keamanan, pembangunan dan kesejahteraan yang kita nikmati pada hari ini tidak terjadi begitu sahaja. Ia dirancang dan diurus dengan bijak oleh jentera pentadbiran di bawah kepimpinan Dr. Mahathir.

Islam sebagai agama rasmi negara ini terus diperkukuh dan dipelihara. Selain aspek perundangan, dimensi baru yang diberi penekanan oleh Dr. Mahathir ialah dalam soal ekonomi dan sosial. Bank Islam, dan Skim Insurans Islam bejaya dibangunkan dengan baik sehingga menjadi model kepada negara Islam lain. Malaysia adalah satu-satunya negara yang berani mengambil inisiatif dalam menggabungkan ilmu pengetahuan ciptaan Barat dengan Islam menerusi penubuhan Universiti Islam Antarabangsa.

Di peringkat antarabangsa, pendekatan yang diambil oleh Dr. Mahathir dalam melaksanakan polisi luar negara ternyata amat sukar ditandingi. Malaysia terkenal lantang dalam menyelar keangkuhan dan ketidakadilan yang dilakukan oleh kuasa-kuasa Barat terhadap negara-negara kecil. Pandangan Dr. Mahathir di forum-forum antarabangsa sememangnya dinantikan dan menjadi panduan kepada negara-negara membangun. Antartika, nasib rakyat Palestin, dasar apartheid di Afrika Selatan, konflik Indo-China, peperangan di Afghanistan, masalah etnik di Bosnia, Perang Teluk, konflik di Iraq, ketidakadilan WTO, PBB, IMF dan lain-lain merupakan topik yang sentiasa diperkatakan oleh Malaysia dalam forum-forum antarabangsa.

Dalam masa yang sama Malaysia turut memainkan peranan Sebagai pemimpin negara-negara membangun seperti NAM, ASEAN, OIC, G15, Komanwel dan beberapa jawatankuasa PBB. Malaysia turut menjadi penganjur kepada beberapa persidangan antarabangsa seperti persidangan ketua-ketua negara APEC, Komanwel, ASEAN, NAM dan sekarang ini OIC.

Penyertaan yang aktif dan sumbangan bermakna yang

ditunjukkan oleh Dr. Mahathir di persada antarabangsa menjadikan beliau seorang negarawan yang disegani sekali gus melonjakkan imej Malaysia di mata masyarakat dunia. Dr. Mahathir adalah satu-satunya pemimpin dari negara Islam yang sanggup menyatakan secara terbuka kepada masyarakat dunia bahawa beliau seorang "fundamentalis" di kala masyarakat dunia dimomokkan oleh agensi propaganda Barat bahawa Islam itu agama yang ekstrem dan radikal. Justeru itu tidak hairanlah kenapa beliau cukup popular di kalangan pemimpin dan masyarakat Islam seluruh dunia.

Melihat kepada sumbangan besar Dr. Mahathir, masyarakat Malaysia perlu memikirkan apakah cara terbaik untuk menyatakan penghargaan dan tanda terima kasih kepada beliau. Kepada saya, kalau diperhatikan dan diperhalusi secara mendalam apa yang dilakukan oleh Dr. Mahathir kita dapat katakan bahawa beliau mahu masyarakat kita mara ke hadapan dan menjadi sebuah negara maju dengan acuan kita sendiri seperti terkandung dalam Wawasan 2020.

Dr. Mahathir sendiri memberikan kita *role-model* yang amat baik untuk mencapai semua itu. Jika diperhatikan semua tindakan, polisi dan ucapan beliau, terdapat empat elemen utama yang sentiasa ditekankan; iaitu berdisiplin, berkebolehan, berani dan bermaruah.

Budaya hidup

Disiplin dalam erti kata rajin, tekun, gigih, menghargai masa dan bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu pekejaan. Setiap orang perlu mempunyai disiplin yang baik untuk berjaya dalam bidang yang diceburi.

Berkebolehan bermaksud mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang mendalam terhadap sesuatu bidang. Proses menuntut ilmu dan melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran-kemahiran baru perlu menjadi budaya hidup kita.

Berani bermakna tegas, yakin dan percaya yang kita juga mempunyai kebolehan seperti dimiliki oleh orang lain bahkan kita boleh melakukannya dengan lebih baik lagi. Berani dalam menyatakan pendapat, menegakkan keadilan, membuat pembaharuan dan mengambil keputusan yang kita yakin memberi faedah kepada kita dan masyarakat.

Bermaruah dapat dimengertikan sebagai mempunyai jati diri, tidak bergantung kepada orang lain, berdaulat, dihormati dan bebas dalam membuat keputusan sendiri. Kedaulatan dan kehormatan kita mesti menjadi natijah akhir setiap perbuatan dan pekejaan yang kita lakukan.

Jika semua nilai itu tadi dapat diamalkan oleh masyarakat kita, maka saya percaya tidak ada sebab kenapa masyarakat kita tidak boleh menjadi masyarakat yang maju dan bejaya menjelang tahun 2020 nanti. Itulah cara terbaik bagaimana kita menghargai jasa dan sumbangan pemimpin yang amat dikagumi. Jadikan Malaysia bertaraf dunia dan dikenali sebagai negara maju!

• **PROF. DATUK DR. HASHIM YAACOB** ialah Naib Canselor Universiti Malaya.